

Kiraan Denggi
Jan - 12 April

Jangkitan **15,535**

Kematian **26**

Pertambahan dari 05 April
Maut: **1 Kes: 881**

Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS)
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke-13 2014

muka 2-5



17 - 23 JUN 2014

Jalan Yong Shook Lin,
Pusat Bandar Seksyen 52,
Petaling Jaya, Selangor

www.mbpj.gov.my | 03-7956 3544

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM: Paras bacaan air di Empangan Sungai Selangor dijangka menunjukkan perubahan positif melalui proses pembenihan awan yang dilaksanakan baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Yunus Hairi, berkata catuan air dapat dihentikan pada penghujung bulan ini sekiranya taburan hujan mutakhir ini berterusan.

“Semalam bacaan (empangan Sungai Selangor) pada paras 37.79 meter. Saya harap hari ini (16 April) lebih (bacaan paras air) kerana kita juga membuat pembenihan awan. Kita masih lagi di paras berhati-hati sepertimana dimaklumkan Menteri Besar tempoh hari iaitu bila mencapai 55 peratus, kita akan hentikan catuan air,” katanya.

Optimisma Dr Yunus itu turut disokong ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang meramalkan cuaca kering di Selangor menjadi sedikit lembap bulan ini, dengan taburan hujan dijangka kembali ke paras biasa pada bulan Mei.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (Luas) Md Khairi Selamat, berkata pembenihan awam akan diteruskan dengan lebih intensif di tadahan empangan Sungai Selangor, Klang Gates dan empangan lain sehingga 31 Mei depan.

lihat muka 2 >>

Pembenihan awam dilaksana secara intensif

Paras bacaan empangan dijangka positif



KERJASAMA...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berjabat tangan dengan Senator Billow Kerrow yang mengetuai delegasi Standing Committee on Finance and Commerce Kenya. Turut hadir dalam pertemuan tersebut, Speaker DNS, Hannah Yeoh; Exco Negeri, Ean Yong Hian Wah serta Ketua Pembangkang, Datuk Shamsudin Lias

Potong gaji MB, Exco untuk biayai program kebajikan rakyat

SHAH ALAM - Walaupun tidak dapat menikmati kenaikan gaji baru sepertimana dinikmati Adun, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menganggap perkara itu bukan persoalan penting.

Beliau bersetuju gajinya dipotong atas rasa tanggungjawab atas isu kenaikan gaji wakil rakyat, yang diputuskan di persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) November lepas.

“Kita setuju dengan pemo-

tongan sebab hendak tunjuk kepada rakyat bahawa kita juga sanggup potong gaji demi kepentingan rakyat,” katanya.

Gaji wakil rakyat dinaikkan supaya mereka mempunyai cukup wang tunai dalam tangan untuk membantu rakyat Selangor yang memerlukan dikala tekanan ekonomi makin mendesak.

Sewaktu bacaan Rang Undang-Undang Pembekalan Tam-

ngor (DNS) baru-baru ini, Abdul Khalid mengumumkan sebahagian gaji dan kenaikan elaun Menteri Besar, anggota Exco, Speaker dan Timbalan Speaker dipotong dan disumbangkan ke Tabung Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Sejumlah RM15,074.85 dipotong dari RM29,250, menjadikan gaji Menteri Besar lebih rendah dari gaji Exco.

Bagi Exco pula, sejumlah RM5,250 dipotong dari

RM20,250 (gaji kemaskini RM15,000), manakala untuk Speaker potongan RM7,500 (gaji kemaskini RM5,000), dan Timbalan Speaker potongan RM3,750 (gaji kemaskini RM12,000).

Gaji untuk para Adun kekal RM11,250.

Sementara itu, semua pendapatan yang diperoleh Menteri Besar dari syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri.

Beliau turut memaklumkan Perbadanan Menteri Besar (MBI) memperuntukkan RM45 juta untuk tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Sejumlah RM38.25 juta untuk pengurusan bola sepak, RM5 juta untuk Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel), RM1 juta untuk Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), dan selebihnya untuk projek pembangunan Kampung Baru dan geran Selangorku.



LAPORAN OLEH

NAZLI IBRAHIM, AFEEQA AFEERA,
NORHAYATI UMOR, LIZAWATI MADFA

FOTO OLEH

REMY ARIFFIN, ASRI SAPPFIE
& SHUAIB AYOB

MB: Horas dan Langat 2 gandakan jumlah air mentah

lui projek berkenaan kapasiti air boleh bertambah daripada 5,000 juta liter sehari (JLH) kepada 10,000 JLH.

“Kita mempunyai air yang mencukupi sehingga tahun 2050 atau 2070 dan apa baiknya program ini (Horas) ialah persediaan awal sudah dibuat.

“Kita bukan sahaja dapat air mentah, tetapi beri jumlah air yang cukup untuk dua generasi akan datang,” katanya sewaktu sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Khalid, berkata penyusunan semula industri air di negeri ini akan dilaksanakan serentak dengan pembinaan Langat 2 berdasarkan dokumen perjanjian yang akan ditandatangani antara kerajaan Selangor dan Kera-

jaan Pusat tidak lama lagi.

Beliau berkata Kerajaan Negeri bersedia untuk menjalin usahasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan isu air di Selangor dapat diselesaikan secara holistik.

“Kita boleh laksanakan penyusunan semula industri air bersama-sama LRAL2, dan Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) akan memantau pembinaan loji pembersihan air untuk Langat 2.

“Dalam rundingan itu kita mesti tentukan penyusunan semula sudah dipersetujui dan saya rasa menteri air setiap masa memanggil dan berbincang untuk menentukan pelaksanaan itu dibuat dengan tepat dan rapi,” katanya.



Menteri Besar dan pimpinan Kerajaan Negeri sewaktu pelancaran Projek Horas

PELAKSANAAN projek *Hybrid Off River Augmentation System* (Horas) dan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) yang siap beberapa tahun lagi dijangka mampu meningkatkan sekurang-kurangnya dua kali ganda jumlah air mentah.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata dari segi teori jumlah air mentah di negeri ini sememangnya berlebihan, namun mela-

<< Dari Muka Hadapan

Luas cadang langkah mitigasi

“Selain itu, dari 1 hingga 4 April lalu operasi pembenihan awan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dan syarikat swasta dilantik turut dijalankan untuk meningkatkan kadar hujan di kawasan tadahan empangan,” katanya.

LUAS juga berkata, sasaran 55 peratus boleh dicapai melalui beberapa langkah mitigasi seperti pelepasan air dari Empangan Sungai Selangor dikurangkan dari 1,800 juta liter sehari (JLH) kepada 1000 JLH, menghadkan abstraksi air dari Empangan Klang Gates oleh loji pembersihan Bukit Nenas kepada 100 JLH, dan mengepam kolam Kampung Hang Tuah ke Sungai Selangor untuk meningkatkan kadar aliran air.

“Mengikut pengiraan jumlah pelepasan air daripada kedua-dua empangan ini, jangka hayat takungan empangan Sungai Selangor dianggar mampu bertahan selama 71 hari (kira-kira dua bulan setengah) manakala Klang Gates 88 hari (hampir 3 bulan),” kata Khairi.

Cuaca kering yang berpanjangan menyebabkan catuan dilaksanakan di Perak, Negeri Sembilan dan Johor, disebalik keprihatinan media yang tertumpu ke Selangor.

Orang-ramai diminta menggunakan air secara cermat bagi membantu usaha pemulihan bekalan air Selangor. Sebelum ini, aktiviti pengusaha basuh kereta haram dan sistem rawatan dan pembekalan air yang lemah pihak konsesi turut dikatakan menyumbang kepada kesulitan rakyat.

Rampasan Bible ikut undang-undang

MENTERI Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, sekali lagi menegaskan tindakan Kerajaan Negeri berhubung isu rampasan Bible dilakukan mengikut undang-undang.

Beliau berkata, keputusan semasa dibuat berasaskan kedudukannya sebagai ketua pentadbiran negeri dan bukan atas agenda lain.

Katanya, tindakan merujuk kepada Peguam Negara (AG) juga dilakukan

atas nasihat pegawai undang-undang negeri sementara menunggu sebarang keputusan selanjutnya.

“Saya jalankan tugas sebagai orang yang memimpin negeri kena ambil kira kepentingan undang-undang dan pentadbiran.

“Keputusan juga perlu mengambil kira peranan Jais (Jabatan Agama Islam Selangor) dan Mais (Majlis Agama Islam Selangor) dalam kerja yang kita

lakukan,” katanya pada sidang media di Dewan Negeri Selangor (DNS), bagi mengulas desakan pihak yang mahu Kerajaan Negeri mengambil pendirian tertentu dan seterusnya memulangkan semula kitab Bible berbahasa Melayu yang dirampas.

Awal tahun ini, Jais bertindak mengambil lebih 300 kitab Bible dalam Bahasa Melayu dari premis Persekutuan Bible Malaysia (PBM).

Program Penuaian Air Hujan perlu dipergiatkan

SISTEM penuaian air hujan dipasang di perkarangan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAS) bagi menambah sumber air sedia ada.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna Elizabeth Wong berkata langkah ini mampu

mengurangkan penggunaan air dari bekalan utama untuk urusan tandas dan lanskap.

Kerajaan Negeri mahu inisiatif ini dicontohi bangunan-bangunan lain miliknya. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) turut melaksanakan projek perintis ini.



Penjadualan air demi kepentingan umum

TINDAKAN penjadualan air dibuat bukan untuk menyusahkan orang ramai, sebaliknya diputuskan secara kolektif oleh jawatankuasa khas demi kepentingan umum.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata jawatankuasa khas itu diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri bersama pihak Suruhanjaya Per-

khidmatan Air Negara (SPAN), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Katanya, keputusan untuk melaksanakan program penjadualan air itu juga dibuat berdasarkan bacaan air semasa di empangan di Selangor.

“Kita bersedia untuk menerangkan perkara ini dan saya rasa tujuan (pen-

jadualan) bukan hendak menyusahkan orang tetapi membantu supaya penjadualan air berterusan.

“Tindakan ini juga diambil demi kepentingan semua rakyat Selangor,” katanya, mengulas tindakan pihak tertentu yang mahu menyaman Kerajaan Negeri diatas kesulitan air yang mereka hadapi.

Pengotor bakal dipenjarakan



AWAS, anda boleh dipenjara atau didenda RM100,000 sekiranya anda didapati bersalah mengotorkan kawasan sekitar.

Menurut Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim, satu enakmen khas untuk mengenakan hukuman yang berat kepada pelaku kini telah digubal dan dalam proses semakan akhir bersama Penasihat Undang-Undang Negeri.

Chang Khim berkata enakmen itu merupakan taring yang ditunggu-tunggu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mendidik masyarakat dan hanya menunggu masa untuk dibenteng dan dilulus Dewan Negeri Selangor (DNS).



“Saya jangka ada bantahan daripada sesetengah pihak bila kita cadangkan enakmen ini kerana kesalahan mengotorkan kawasan dianggap sebagai jenayah dan perlu dipenjarakan. Tetapi, kita akan dapatkan pandangan daripada pelbagai pihak terlebih dahulu,” katanya.

Beliau menjelaskan kekangan undang-undang sedia-ada, iaitu denda maksimum

“

Enakmen itu merupakan taring yang ditunggu-tunggu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mendidik masyarakat

TENG CHANG KHIM
Exco Kerajaan Tempatan,
Kajian dan Penyelidikan

RM2,000 untuk kesalahan membuang sampah di tempat terlarang, menghadkan keberkesanan penguatkuasa PBT untuk menanam rasa takut di kalangan mereka suka mencemar persekitaran masyarakat.

“Jawatankuasa sedang menyemak dengan Penasihat Undang-undang Negeri untuk pastikan ia boleh dilaksanakan dan undang-undang ini antara lainnya mencadangkan supaya vandalisme dianggap sebagai perbuatan jenayah yang akan dikenakan hukuman penjara dan denda antara RM50,000 hingga RM100,000,” katanya lagi.

Urus sisa pepejal, jimat RM53.9 juta setahun

DALAM tempoh setahun sejumlah RM53.9 juta berjaya dijimatkan selepas perkhidmatan pembersihan awam diambil alih Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tangan konsesi.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim, berkata kos pengurusan sampah domestik dan sampah pukal sekarang hanya RM166.8 juta berbanding sebanyak RM220.7 juta ketika



diuruskan oleh Alam Flora Sdn Bhd.

“Memang pada mulanya ada masalah kerana kontraktor kita belum lagi dapat menyesuaikan diri dengan keadaan pasa-

ran, tetapi ia tidak serius sehingga semua kerja tidak dibuat.

“Kita juga akan cuba perbaiki kelemahan yang ada daripada masa ke masa termasuk bercadang mengenakan cagaran 10 atau 20 peratus sebelum kontraktor memasuki tender bagi memastikan mereka mampu melakukan kerja pembersihan lebih terbaik,” kata Chang Khim menjawab pertanyaan Ng Tien Chee (DAP-Balakong) dan Gan Pei Nei (PKR-Rawang).

Chang Khim juga berkata kesan dari pengambil-alihan itu mengurangkan risiko rasuah dalam perkhidmatan pembersihan awam.

Perang denggi diselaraskan mesyuarat mingguan

PERANG anti-penularan denggi diselaraskan dalam mesyuarat mingguan melibatkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan dibantu maklumat semasa dari Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Daerah serta agensi lain.

Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi berkata penyelarasan itu membawa kepada penubuhan 437 kumpulan khas di peringkat komuniti untuk menyasat dan mengekang penularan denggi.

Kumpulan *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) itu dianggotai pakar pelbagai bidang untuk membantu sidang mesyuarat memahami dinamik penularan dalam konteks setempat, dan membangunkan respon yang sesuai khusus untuk kawasan sasaran.

“Selain pelbagai aktiviti pencegahan yang dilaksanakan, setakat ini 16 kali mesyuarat di-

jalankan di semua peringkat jabatan dan agensi bagi mengurangkan risiko pembiakan denggi di lokaliti,” katanya menjawab pertanyaan Lai Nyuk Lan (DAP-Sungai Pelek).

Selain itu, Daroyah memaklumkan kajian berhubung pembiakan nyamuk Toxo (*Toxorhynchites*) bagi mengurangkan populasi nyamuk aedes masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya ekoran kajian keseluruhan masih dijalankan.

“Kajian bersama Universiti Sains Malaysia (USM) ini memperuntukkan sebanyak RM60,000 masih dalam penyelidikan dan tidak dapat dijalankan sepenuhnya di kawasan-kawasan lain,” kata Daroyah.

Untuk rekod, 26 kematian dicatatkan setakat 12 April dan secara keseluruhan Selangor mencatatkan 15,535 kes dalam tempoh sama.



Prestasi kebersihan, PBT dipantau

PERUNDING bebas akan dilantik bagi menjalankan pemantauan setiap enam bulan ke atas prestasi Datuk Bandar dan Yang Dipertua di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan prestasi kebersihan bandar, pengurusan sampah di wilayah masing-masing.

“Kita ingin melantik perunding bebas ini supaya setiap enam bulan ada laporan daripada PBT untuk dibentangkan kepada rakyat. Kita tidak akan tuding jari sesuka hati tanpa buat penelitian dan semakan terlebih dahulu,” kata Exco Kerajaan Tempatan Datuk Teng Chang Khim.

Projek jambatan: Pemaju sumbang RM1.6 juta

SEBANYAK RM1.6 juta berjaya dikumpulkan untuk projek jambatan di pekan Semenyih menghala ke simpang Broga, hasil sumbangan dari para pemaju.

Exco Kerajaan Tempatan, Datuk Teng Chang Khim berkata projek milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu mencecah RM21 juta dan dirancang sejak 2006. Menurutnya fizikal projek hanya akan dilaksanakan selepas kutipan menyamai kos pembinaan.

“Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah memohon kepada JKR supaya membuat permohonan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan,” kata Chang Khim menjawab pertanyaan Datuk Johan Abdul Aziz (BN-Semenyih).

Terpaksa tanggung projek buruk zaman BN

KUALITI projek kuarters rasmi Exco terlalu buruk hinggalah tiada orang mahu menyewa atau membelinya meskipun ditawarkan Kerajaan Negeri. Bahkan exco-exco yang pernah menduduki kediaman itu turut diancam paip pecah dan siling runtuh.

“Dulu kita nak sewa, tetapi tak dapat sambutan. Jual pula tiada orang hendak beli.

“Maka terpaksa juga kita jaga seperti anak sendiri, baik, cantik atau hodoh kena juga kita jaga,” kata Exco Kerajaan Tempatan, Datuk Teng Chang Khim menjawab teguran Ketua Audit Negara berhubung kuarters berkenaan.

Kerajaan Negeri sebelum ini memutuskan supaya kesemua kuarters itu diagihkan untuk kegunaan mesyuarat atau perjumpaan.

Politik persepsi lawan politik idea

Tanpa angin, tanpa ribut, petir



Selangorkini
EDITORIAL

jua tiada; tiba-tiba sahaja Selangor Kini jadi sebutan pengamat politik termasuk menarik perhatian media tempatan termasuk dari arus perdana.

Semua gara-gara paparan rencana berkaitan persaingan calon Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang dipetik dari sebuah blog.

Walhal, blog itu hanya menyentuh perihal seorang calon tanpa menyinggung walau sekelumit pun calon lain yang bertanding dalam posisi sama.

Rencana itu mungkin tidak hangat jika tidak digembur-gembur kelompok yang bimbang kedudukan 'bos' mereka tercabar ketika dicabar dari banyak penjurur.

Menggunakan kedudukan politik, mereka menguar-uarkan hal itu di media sosial, malah mengheret media tempatan dalam kancah politik persepsi mereka.

Yang jadi mangsa tidak lain tidak bukan, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Malah, beliau terpinga-pinga apabila ramai wartawan mengajukan soalan berkaitan kononnya berlaku salah guna kuasa dalam kempen politiknya.

"Padanlah MB nampak 'blur' aja," kata seorang wartawan yang bertanya secara

peribadi kepada saya, sama ada Khalid tahu menahu atau tidak mengenai paparan rencana itu.

Apapun, isu yang lebih penting, malah teramat penting ialah tiada serangan peribadi dibuat. Ini berbeza dengan calon lain yang lancang membidik serangan kepada Khalid.

Tanpa perlu menunggu lama, kebenaran terserlah jua.

Rabu lalu, Jawatankuasa Pemilihan Pusat PKR (JPP) mengesahkan siasatan dibuat terhadap dua calon termasuk penyandang jawatan yang membuat kenyataan dalam media arus perdana kerana didakwa menyentuh peribadi lawan.

Ini yang sangat-sangat ditekankan Khalid yang bersungguh-sungguh membentangi politik idea dan mengekalkan adab bertanding sekalipun sedari dulu asyik diserang banyak pihak.

Ia amat penting demi mengekalkan keharmonian parti, sekalipun ada perbezaan pendapat dalam memperjuangkan kebajikan rakyat.

Jadi, sewajarnya semua calon atas posisi apa jua yang ditandingi kembali ke era Reformasi tulen demi masa depan kita bersama.

Ketua Pengarang

Tiada arahan bekukan permohonan TOL



KERAJAAN Negeri tidak pernah mengeluarkan arahan membekukan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata tindakan akan diambil terhadap pihak yang mengeluarkan kenyataan atau arahan bercanggah dengan Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, beliau juga akan berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri tentang bentuk tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang ingkar.

"Kita galakkan semua permohonan diberikan kepada MTES (Majlis Tindakan Ekonomi Selangor), tetapi mendapati permohonan tak dibuat, jadi MTES fikir tiada permohonan daripada penduduk.

"Tetapi ini akan terjadi sekiranya yang di atas cakap lain, yang di bawah buat lain.



Kita galakkan permohonan TOL, malah bersedia memberikan hak pemilikan terhadap mereka yang menduduki tanah, termasuk yang berstatus TOL

ABDUL KHALID
Menteri Besar

"Jika ada permohonan dibuat, tetapi diberitahu TOL dibekukan, tolong bagi maklumat kepada pihak kita untuk diambil tindakan," katanya menjawab soalan Ng Suee Lim (PR-Sekinchan).

Mengulas lanjut, Abdul Khalid menggalakkan permohonan TOL, malah bersedia memberikan hak pemilikan terhadap mereka yang menduduki tanah, termasuk yang berstatus TOL.

"Mereka diberi kesempatan untuk miliki tanah dengan pembayaran premium hanya RM1,000 sahaja," katanya

Nasib penduduk Taman Permata tidak diketahui

Kerajaan Pusat berdiam diri

KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sehingga kini masih berdiam diri berhubung status pembinaan rumah teres yang dijanjikan kepada 400 penghuni sementara Pangsapuri Kos Rendah Taman Permata, Dengkil.

Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan Dan Kerajaan Prihatin, V Ganabatirau, berkata Kerajaan Negeri sudah menyediakan tanah berkeluasan 30 hektar di Ampang Tengah bagi tujuan itu, namun tiada tindakan susulan daripada Kerajaan Persekutuan.

"Kita sudah luluskan pengambilalihan tanah ini yang

berjumlah RM13 juta daripada syarikat Sime Darby pada Julai 2013.

"Pada Oktober 2013, kita sudah maklumkan perkara itu kepada KPKT, namun KPKT tidak tunjukkan sebarang komitmen dalam hal pembinaan rumah itu," katanya.

Semua penduduk di pangsapuri berkenaan adalah bekas pekerja di Ladang Perang Besar, Medingly, Galloway dan Sedgley. Mereka dipindahkan ke kediaman transit bagi memberi laluan kepada pembinaan Putrajaya.

Setelah 15 tahun berlalu rumah yang dijanjikan tidak tertunai, bahkan transit yang

diduduki sekarang ini diancam bahaya.

Sebagai langkah sementara, Kerajaan Negeri mengarahkan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) untuk memperbaiki kediaman (pangsapuri) sedia ada melalui peruntukan RM500,000.

Sementara itu, Ganabatirau, berkata pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) memohon KPKT mengesahkan persetujuan pembinaan dengan segera, supaya rumah teres boleh dibina untuk mangsa projek Putrajaya itu.

"Namun, sehingga bulan ini (sejak Februari), masih tiada jawapan," katanya.

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafiih Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afif Redzuan: afifredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazlibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu_tvs@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

Tabung khas L'Ceria selenggara lif pangsapuri



Skim Ceria memberi manfaat kepada 104 pangsapuri sekitar Selangor

SATU tabung khas perlu diwujudkan untuk membaik pulih dan menaik taraf kemudahan lif pangsapuri.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad, berkata tabung itu membolehkan lebih banyak kawasan pangsapuri mendapat manfaat daripada Skim Ceria - program tajaan Kerajaan Negeri untuk membaik pulih dan memperindahkan pangsapuri.

Beliau menjelaskan sebahagian besar peruntukan Skim Ceria disalurkan untuk membaik pulih kemudahan lif sedia ada.

"Jika diwujudkan tabung baru untuk lif yang saya cadangkan dinamakan L'Ceria, lebih banyak kerja lain dapat dijalankan, contohnya, seperti membaik pulih, menukar tangki air,



mengganti paip, menambah kemudahan awam atau mengecat bangunan," katanya menjawab pertanyaan Haniza Talha (PR-Taman Medan).

Sehingga kini 104 pangsapuri menerima manfaat Skim Ceria, yang dilancarkan 2011, dengan kos keseluruhan RM15.2 juta.

Bagi fasa seterusnya, iaitu Ceria 2, Kerajaan Negeri sudah meluluskan dana RM13 juta dan sebanyak 56 pangsapuri disasarkan untuk baik pulih.

Syarat pemaju sedia kawasan perkuburan

PEMAJU pembangunan berskala besar, iaitu projek dengan keluasan melebihi 100 ekar, perlu menyediakan kawasan perkuburan.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata syarat itu perlu untuk memastikan keperluan untuk tanah perkuburan tidak mengalami kesulitan di masa hadapan.

"Bagi kawasan pembangunan berskala kecil dalam lima atau sepuluh ekar, ada masalah kerana kita tidak boleh ambil tanah dan mereka (pemaju) juga perlu membayar caruman mengikut jumlah densiti," katanya.

Kerajaan Negeri dalam proses mengambil Lot 5758 (400 ekar) di Ladang Sepang dan Lot 3366 (100 ekar) di Tanjung Balai untuk mengisi keperluan tanah perkuburan.

Unisel dalam proses penambahbaikan

UNIVERSITI Selangor (Unisel) dalam proses penambahbaikan prasarana khususnya baik pulih asrama dan sistem kumbahan demi kemudahan pelajar.

Exco Pendidikan, Dr Halimah Ali, berkata apabila kerja baik pulih asrama siap pada 30 Jun nanti ia akan memudahkan pelajar melanjutkan pelajaran di Unisel.

Unisel mengalami kerugian eko-eran kekurangan kampus asrama di Shah Alam dan jarak yang jauh dengan kampus di Bestari Jaya.

Buat masa ini, penuntut Unisel itu ditempatkan di asrama sementara di Kota Puteri iaitu kira-kira 17 kilometer dari kampus universiti itu.

Yayasan ISA bantu keluarga bekas tahanan

YAYASAN Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan tetap dibutuhkan walaupun akta terbabit sudah dimansuhkan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata inisiatif terbabit dilakukan bagi membantu keluarga bekas tahanan menjalani kehidupan dari segi kewangan dan pendidikan anak-anak.

Katanya, Kerajaan Negeri melalui Geran Selangorku memperuntukkan RM500,000 sebagai pusingan awal. Yayasan itu akan dipengerusikan Dr Wan Azizah Wan Ismail (PR-Kajang).

Skim Caruman Wanita tahun hadapan

SKIM Caruman Wanita Selangor dijangka dilaksanakan tahun hadapan selepas Kerajaan Negeri melengkapkan data berkenaan operasi, pelaksanaan dan kaedah pembayaran.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, berkata pihaknya sedang mengkaji empat model caruman antaranya model seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Kita ingin sediakan satu jaringan sosial kepada keluarga dan satu dana kebajikan bagi membantu mereka khusus kepada kaum wanita tidak bekerja terutama ibu tunggal bagi memastikan nasib golongan berkenaan terbela," katanya menjawab soalan Ha-

niza Talha (PR-Taman Medan).

Jaringan keselamatan sosial itu merupakan salah-satu daripada Agenda Wanita Pakatan Rakyat yang dijanjikan pada Pilihanraya Umum ke-13 (PRU-13) lalu.

Cadangan awal skim itu adalah peruntukan tetap tahunan berserta caruman minimum daripada pendapatan suami hanya untuk wanita yang telah berkeluarga. Caruman boleh dikeluarkan apabila berlaku kematian pasangan, perceraian, kehilangan upaya kekal dan kehilangan punca pendapatan secara kekal.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berharap skim itu akan mendorong penyertaan lebih ramai wanita dalam pembangunan negeri Selangor.



Cadang penyelarasan elaun KAFA

PAKATAN Rakyat (PR) mencadangkan Kerajaan Negeri supaya menaikkan elaun guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) terutamanya bagi mereka yang bertugas di kawasan bandar.

Ng Sze Han (PR-Kinrara), berkata kos kehidupan bandar yang tinggi di samping tanggungjawab besar yang dipikul pendidik KAFA, lama diabai BN.

"Saya menemui beberapa guru Kafa dan mereka menyuarakan keluhan bahawa elaun yang diterima masih tidak mencukupi terutama di kawasan bandar seperti Puchong.

"Saya percaya, mereka bukan merungut dan meminta simpati, sebaliknya ikhlas mendidik tetapi kita perlu lebih realistik dalam keadaan

kos hidup yang tinggi.

"Saya minta sekurang-kurangnya elaun mereka boleh dinaikkan sehingga RM1,500 sebulan," katanya.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, berkata kenaikan itu dalam proses untuk dilaksanakan tahun ini.

Ketika era BN, elaun guru agama Kafa di Selangor hanya RM738.30 sebelum dinaikkan kepada RM1,000 oleh PR selepas mengambil alih pentadbiran negeri, pada 2008.

Kerajaan Negeri pada Febuari tahun lalu, sekali lagi menaikkan elaun guru Kafa kepada jumlah terkini RM1,300 sebulan.



Bantu kembangkan perniagaan char kueh teow

PENGALAMAN berniaga selama 20 tahun tidak disia-siakan Salina Hashim, 45, apabila mampu menghasilkan menu istimewa termasuk char kueh teow di 'Ummi Tomyam', miliknya.

Gerai makanan sepenuh masa di Taman Kemacahaya itu diusahakan bersama suami, Hassan Abdullah, 45, dan anak saudaranya, Mohd Nor Mat Isa mulai jam 5 petang hingga 1 pagi setiap hari.

Dengan adanya program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), Salina terdorong meluaskan perniagaan dengan membuka sebuah lagi gerai di Medan Selera Taman Perkasa, Cheras.

Skim pinjaman MiMBAR yang ditawarkan memang menarik kerana dirumus untuk membantu mengurangkan beban usahawan, kata Salina yang kini berbangga dengan dua buah gerai berbeza lokasi.

"Perniagaan punca rezeki saya. Untuk lebih maju dan demi menampung keperluan keluarga, saya besarkan perniagaan dengan menambah gerai baru.

"Hasrat ini juga tercapai de-



Salina turut menawarkan khidmat catering di sekitar Hulu Langat & Cheras! Hubungi: 012 - 9050193

ngan pinjaman Program MiMBAR berjumlah RM2,000 diterima daripada Kerajaan Negeri. Pinjaman tanpa faedah ini memudahkan dan membantu peniaga kecil seperti saya," kata ibu dua anak berusia 14 dan 16 tahun itu.

Salina menjelaskan pinjaman tersebut digunakan bagi keperluan 'Gerai Makan LZ' untuk membeli barangan dan peralatan bagi melengkapkan premis berkeajaan.

"Cara pembayarannya tidak membebaskan. Penerima boleh berbincang dengan MiMBAR sekiranya mengalami masalah ke-

Cara pembayarannya tidak membebaskan Penerima boleh berbincang dengan pihak MiMBAR sekiranya mengalami masalah kewangan

SALINA HASHIM
Peniaga

wangan. Kini saya dalam proses memohon pinjaman kedua daripada MiMBAR," katanya yang kini turut membuat perkhidmatan catering kepada pelanggan sekitar Hulu Langat dan Cheras.

Baru-baru ini, Majlis Malam



Lebih 3000 usahawan wanita dibantu

SEHINGGA Januari lalu, MiMBAR melaporkan seramai 3,616 penerima wanita dari seluruh Selangor berjaya menerima pinjaman berbanding 2,151 lelaki.

Januari lalu, MiMBAR memberi pinjaman kepada 5,767 penerima dengan jumlah pembiayaan keseluruhan sebanyak RM11,520,700.

Manakala jumlah pembiayaan mengikut program pilihan seperti Mikrokredit sebanyak 5,601 penerima, kiosk (127) dan Pakej Mimbar Kleaner (PMK) 39 orang.

Majoriti penerima pinjaman MiMBAR berusia 40 hingga 49

tahun seramai 2,249 peserta, 30 - 39 tahun seramai 1,559, dan 50 - 59 tahun seramai 1,304 orang.

INGIN BERJAYA SEPERTI SALINA & AGUS?

- Memohon di www.mimbarselangor.com
- Hubungi MiMBAR
Telefon: 03 - 5541 3616
- Atau hubungi Pusat Khidmat Masyarakat Pakatan Rakyat masing-masing

Dulu jurutera kini tauke roti canai lembut segar

MINAT dalam perniagaan membulatkan tekad Agus Salim Abdul Wahid, 46, untuk mengusahakan perniagaan roti canai sepenuh masa selepas meninggalkan kerjaya selesa sebagai jurutera pada 2012.

Memulakan perniagaan secara kecil-kecilan pada 2010, beliau sedar potensi untuk maju terbentang luas melalui menu istimewa roti canai lembut segar yang menjadi pilihan pengunjung Pasar Bandar Baru Bangi.

Pinjaman tanpa faedah menerusi skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) sebanyak RM2,000 diterima daripada Kerajaan Negeri menjadi pendorong kuat untuk beliau lebih berjaya.

"Saya memang minat berniaga. Dengan faktor anak semakin membesar dan kos sara hidup yang semakin meningkat, saya membuat keputusan untuk

“

Ternyata skim ini memberi kebaikan untuk peniaga kecil seperti saya

AGUS SALIM
Peniaga

berhenti kerja dua tahun lalu.

"Pinjaman MiMBAR memudahkan lagi usaha untuk memajukan perniagaan saya. Ternyata skim ini memberi kebaikan untuk peniaga kecil seperti saya," katanya serta menambah, permohonan beliau diproses dalam tempoh singkat.

Bekas jurutera itu menjelaskan, wang pinjaman yang diperoleh digunakan bagi menambah barangan di gerainya seperti peralatan perniagaan, selain pinggan

mangkuk, dapur dan sebagainya.

Dibantu isteri dan anak saudara, pendapatan gerai no. 3 miliknya kian meningkat.

"Sebelum ini, saya nak jual roti canai dalam lima kilo pun susah. Waktu itu pendapatan dalam RM200 sehari. Namun setelah dapat pinjaman MiMBAR dengan modal pusingan lebih, saya dapat jual antara 10 hingga ke 15 kilogram roti canai sehari dengan pendapatan antara RM400 hingga RM450.

"Saya juga kembangkan perniagaan dengan menyediakan perkhidmatan catering secara kecil-kecilan," katanya.

Agus Salim berkata sesi penerangan dijalankan bekas Adun Bangi, Shafie Abu Bakar mem-



Agus turut menawarkan khidmat catering di sekitar Bandar Baru Bangi! Hubungi: 013 - 348 5386

bolehkan beliau tahu peluang yang disediakan melalui agenda Masyarakat Ekonomi Selangor (MES).

"Skim MiMBAR memang bagus dan cara memohon juga me-

mudahkan peserta, selain diluluskan dalam masa singkat. Saya adalah antara penerima terawal skim ini di DUN Bangi.

"Jika diberi peluang, saya mahu buat permohonan kedua untuk meluaskan lagi perniagaan," kata bapa lima anak itu.

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan digesa menyemak semula kaedah pemberian waran peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi melicinkan pembangunan projek di Selangor.

Exco Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Yunus Hairi, berkata kelemahan sedia ada menjejaskan kelancaran serta kerja pembinaan, serta memberi kesan negatif kepada aliran tunai syarikat kontraktor.

"Kelemahan pembayaran sehingga merencatkan pembangunan dan aliran tunai kepada kontraktor adalah suatu perkara yang tidak munasabah, sekiranya ia wujud dalam projek rundingan terus kerana segala perincian termasuk kos pembinaan diketahui pada peringkat awal.

"Begitu juga buat projek yang ditenderkan secara terbuka, sudah tentu harga yang terbaik dipilih dan kerajaan bersedia dengan harga tersebut. Jadi adalah tidak wajar sekiranya kelemahan yang sama turut berlaku," katanya.

Mengambil contoh projek pembinaan Politeknik Banting, Yunus berkata antara punca pembinaannya terpaksa dilanjutkan turut melibatkan prestasi pembayaran yang lemah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada JKR.

Perkara tersebut dinyatakan dengan jelas dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 dalam pengauditan yang dijalankan badan itu antara Jun-Ogos 2013.

Laporan itu berpendapat



Sistem bayaran lemah faktor projek JKR tergendala

Kementerian perlu kaji kaedah pemberian waran

kelewatan bayaran atau kekurangan dalam bayaran daripada jumlah yang disyorkan berdasarkan penilaian kerja di tapak, boleh memberi kesan negatif kepada aliran tunai syarikat kontraktor sekaligus menjejaskan kesinambungan kerja pembinaan.

JKR Selangor dalam maklum balasnya pada 13 Februari lalu kepada Laporan Ketua Audit Negara menjelaskan kelemahan tersebut berlaku ekoran sistem waran peruntukan yang diterima secara berperingkat (Januari, April, Julai dan Oktober) merumitkan proses pembayaran kepada kontraktor.

"Duit perlu disediakan dahulu baru sesuatu projek itu digerakkan. Sekiranya kewangan tidak kukuh, sesuatu projek itu terpaksa dilewatkan dan sudah tentu pertambahan kos akan berlaku.

"Akhirnya bukan sahaja merugikan duit rakyat, malah ekonomi yang terkait selepas itu juga akan membebankan rakyat," jelas Yunus.

Beliau menambah, pendekatan polisi dan dasar Kerajaan Negeri sedikit berbeza. Biar pun kelihatan berhati-hati, Kerajaan Negeri mempunyai kekuatan kewangan dalam memastikan setiap pembangunan terlaksana dengan cekap.

"Dalam hal ini, Kerajaan Negeri memilih untuk berhati-hati dengan mengamalkan 'value for money' dalam memberi yang terbaik kepada rakyat.

"Sudah tiba masanya untuk Kerajaan Pusat mengkaji semula perkara ini dalam memastikan rakyat tidak lagi menjadi mangsa," katanya.



Politeknik Banting antara projek yang lewat siap gara-gara kelemahan bayaran kepada kontraktor terlibat



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak	Pembelian Dokumen
Kerja-Kerja Pembaikan Unit-Unit Rumah Rosak di Blok A, Blok B dan Blok C Pangsapuri PPR Kg. Baru Hicom, Seksyen 26, Shah Alam No Tender: LPHS/T/K/14/01	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred: G3 Kategori: B Pengkhususan: B04, B14, B15 Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM140.00 (Tidak Akan Dikembalikan) Bayaran dalam bentuk Draf Bank/ Kiriman Wang atas nama:- Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Khamis 24 April 2014 Jam 10.00 pagi Pejabat Pihak Pengurusan Bangunan Lawatan tapak adalah WAJIB	Bermula 24 April 2014 sehingga 7 Mei 2014 <i>Waktu Pejabat:- (8.30 pagi - 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang)</i> <i>Kecuali Jumaat (8.30 pagi - 12.00 tengah hari dan 3.00 petang hingga 4.00 petang)</i>

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **24 April 2014 (Khamis)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada **pemilik syarikat/penama yang dinamakan** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja. Untuk maksud ini, pemilik syarikat/penama tersebut hendaklah membawa dokumen asal Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Sila bawa bersama **Cop Syarikat**.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 12 Mei 2014 (Isnin)**, kepada:-

PENGARAH EKSEKUTIF
 Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
 Tingkat 5, Podium Utara,
 Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
 No Tel: 03-5544 7906, No Faks: 03-5510 4137

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Kenyataan tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti berikut:
<http://lphs.selangor.gov.my>

▶
Exco Pendidikan dan Pendidikan Tinggi; Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, bersama mahasiswa yang mengikuti program baktisiswa Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor (MPMS) dengan kerjasama mahasiswa Unisel di Masjid Kampung Sekendi, Sabak Bernam



▶ **Adun Chempaka, Iskandar Samad, melawat Lans Koperal Lionel Richard yang cedera diserang dan ditembak lelaki tidak dikenali di Taman Lembah Maju, Ampang**



▶ **Adun Morib, Hasnul Baharuddin memeriksa perbarisan Unit Amal sewaktu program Jambori Amal bagi kawasan Kuala Langat. Program dirasmikan Exco Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Yunus Hairi**



▶ **Sukaneka Pasti Nurul Iman di padang Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kelihatan Ahli Majlis MBPJ, Raja Fairuz Raja Mazlan menyampaikan hadiah kepada kanak-kanak yang mengambil bahagian**



▶ **Pelancaran Program Kempen Hidup Sihat anjuran Pusat Khidmat Masyarakat DUN Taman Medan di Padang Permainan Taman Harmoni. Adun Hulu Kelang, Saari Sungib membantu Adun Taman Medan, Haniza Talha menyampaikan cenderahati berupa pokok herba belalai gajah kepada penduduk yang hadir**

TAWAS serah penyata simpanan

TABUNG Warisan Anak Selangor (Tawas) mengadakan program penyerahan penyata simpanan Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) di balai raya kawasan DUN Sabak.

Penyerahan kepada 33 peserta disempurnakan Exco Hal Ehwal Islam, Permodenan, Pertanian dan Pempa-

ngunan Desa, Sallehen Mukhyi.

Kira-kira 2000 peserta mendaftar di bawah TAWAS bagi kawasan Sabak Bernam memabitkan anak kelahiran Selangor.

Majlis itu juga turut dimeriahkan lebih 200 kanak-kanak yang hadir bersama ibu bapa masing-masing dan penduduk.

Sallehen Mukhyi
Sabak



William Leong
Selayang

Cegah aedes, hapuskan denggi

MAJLIS Gotong Royong bersama ahli Parlimen Selayang, William Leong Jee Keen dan penduduk diadakan di Apartmen Merak, Taman Bukit Idama, baru-baru ini.

Ini merupakan gotong-royong pertama bersama Ahli Majlis, Yew Jia Haur dan persatuan penduduk bagi memupuk kesedaran tentang pentingnya menjaga kebersihan persekitaran perumahan bagi mencegah pembia-

kan nyamuk aedes.

"Pertambahan kes denggi di Selangor semakin meningkat dan semakin merisaukan. Semoga program kesedaran sebegini dapat menimbulkan inisiatif penduduk untuk menjaga kebersihan kawasan kediaman mereka." katanya

William turut menyampaikan sumbangan untuk melancarkan lagi majlis tersebut.

Pelajar UNITEN turun padang bersihkan masjid



Dr Rani Osman
Meru

ADUN Meru, Dr Rani Osman, meraikan kira-kira 400 pelajar Universiti Tenaga Nasional (Uniten), selepas selesai program gotong-royong.

Sebelum itu pelajar tersebut beramai-ramai membersihkan ruang dalam dan luar masjid di Meru dan Bukit Kapar, dewan orang ramai serta lima buah rumah golongan kurang mampu di

DUN Meru.

Sebelum acara bersurai, Dr Rani mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pelajar kerana bertungkus-lumus melakukan kerja amal tanpa mengira agama.

* Program gotong-royong Uniten, bukan Unisel seperti yang tertera pada keluaran 4-11 April 2014

Atasi keciciran masyarakat Orang Asal

ANAK-ANAK Orang Asal akan diberi pendedahan khusus mengenai kepentingan pendidikan sebagai langkah mengatasi masalah keciciran pelajar.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, pendedahan itu dilakukan menerusi program Kelas Maju Diri yang dilaksanakan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Ini projek perintis yang kita mulakan di Kampung Orang Asal Buluh Telor (KOABT) dan di-

harap lebih ramai anak kampung ini terbela.

"Kita harap dengan usaha ini akan melahirkan lebih ramai mahasiswa pada masa depan, sebab sudah ada dua anak kampung ini yang masuk universiti," katanya sewaktu Program Kelas Maju Diri dan Jalinan Kasih.

Turut serta, Batin KOABT, Harun Adan, Presiden Pertubuhan Amal Seri Sinar (PASS), Datuk Dr Eadon Ching Ten Song dan beberapa ahli Majlis Daerah Hulu Selangor.





Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohamed Izam Mohamed Yusof memotong reben sebagai tanda penyerahan motosikal roda tiga kepada penerima

Usahawan asnaf terima sumbangan LZS

OLEH AFEEDA AFEERA

SEKINCHAN - Projek perintis program usahawan, khusus untuk golongan fakir dan miskin anjurkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) disambut baik golongan itu kerana mampu memberi pendapatan tambahan.

Kebanyakan asnaf yang ditemui ketika penyerahan lori dan motor roda tiga di Dataran Pantai di sini, melahirkan rasa gembira serta terharu terhadap sumbangan yang diberikan.

Seorang asnaf, Mohd Haris Mohamed, 52, berpendapat ia adalah satu kurniaan berharga dalam hidupnya kerana pemberian ini membolehkan beliau menjana lebih banyak pendapatan untuk menampung kehidupan harian.

Beliau yang menjalankan perniagaan menjual makanan berazam untuk memanfaatkan lori yang disumbangkan LZS.

"Saya bersyukur atas bantuan yang diberikan kerana ia mampu menambah baik ekonomi kami sekeluarga. Kini, saya berniaga mi rebus, mi bandung dan mi jawa, mungkin selepas ini saya akan cuba keluaran produk sendiri dalam bentuk pes," katanya.

Seorang lagi penerima, Marhani Kamaruddin, 48, turut menerima lori untuk urusan penjualan makanan dan minuman.

Beliau seorang ibu tunggal kepada empat orang anak akan menjalankan perniagaan bersama anak sulungnya sekitar kawasan Pelabuhan Klang.

"Sebelum ini, saya tidak bekerja dan terpaksa menanggung empat orang anak melalui ihsan dan sumbangan zakat, tetapi syukur selepas diberikan lori ini mampu meraih pendapatan sendiri.

"Saya harap perniagaan makanan saya akan mendapat



Mohd Haris Mohamed



“Sebelum ini, saya tidak bekerja dan terpaksa menanggung empat orang anak melalui ihsan dan sumbangan zakat, tetapi syukur selepas diberikan lori ini mampu meraih pendapatan sendiri

MARHANI KAMARUDDIN
Penerima

sambutan dan berkembang pada masa akan datang," katanya.


Bantuan berkenaan bertujuan meluaskan projek perintis program keusahawanan yang mana setiap asnaf menerima motor roda tiga beserta modal pusingan dan kelengkapan barang perniagaan.

Seramai 10 orang asnaf fakir dan miskin menerima bantuan motosikal roda tiga, manakala 20 orang lagi menerima lori untuk tujuan berniaga.

HARMONY VILLA

Rumah Contoh Sedia Dikunjungi

40' X 85' Semi-D Mewah 2 Tingkat



Menikmati Kehidupan Yang Luas dan Selesa

- Bahan binaan berkualiti tinggi
- 4 bilik tidur and 1 bilik baca
- Setiap bilik bersama dengan bilik mandi

PEMAJU:

SEMARAK CERGAS SDN. BHD. (251693-D)
Lot 1-14 & 1-15, Kompleks PKNS Kuala Selangor, Jalan Perusahaan 1,
45000 Kuala Selangor, Selangor.

Hubungi: 03-3289 1918 / 1919

Pejabat urusan dibuka setiap hari 9.30 pagi - 5.00 petang

No. lesen pemaju: 11966-1/03-2015/346 . tempoh valid : 19/03/2012-18/03/2015. No permit iklan dan jualan: 11966-1/1231/2013(05) tempoh valid: 9/10/2013-21/05/2015. Bebanan tanah: Maybank Bhd. Tempoh hak milik : 99 tahun (hingga tahun 2111). Pihak kelulusan Pelan pembinaan : MDKS. No kelulusan pelan Pembina. : 280/3/7/2011-94 untuk 54 units (fasa 1) 40' x 85' semi-D 2 tingkat. Harga minimum : RM558,225 . harga Maksimum : RM879,526. Diskaun 7% untuk bumiputera. Tarikh jangkaan siap dibina (fasa 1): October 2014. Sekatan kepentingan: Tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Selesai isu jeti secara 'menang-menang'



SHAH ALAM - Kerajaan Negeri digesa menyemak kembali tindakan meroboh jeti-jeti di kawasan tanah berstatus Lesen Menduduki Sementara (TOL).

Adun Sekinchan, Ng Sue Lim, membangkitkan perkara itu memandangkan perobohan melibatkan 1,300 jeti di serata Selangor yang akan memberi impak besar kepada mata pencarian nelayan.

"Saya panjangkan perkara ini kepada Menteri Besar untuk mempertahankan dulu jeti-jeti ini. Ia melibatkan banyak kawasan, termasuk Bagan Tengkorak, Tanjung Karang, Kuala Selangor, Pulau Ketam dan beberapa kawasan lain yang berlaburan di serata persisiran pantai negeri ini.

"Sekiranya terus dilaksanakan, akan beri impak besar ter-

“

Ekoran penguatkuasaan ini, ada antara jeti di situ menerima notis untuk dirobohkan kerana nelayan membina jeti konkrit bagi menggantikan jeti sedia ada yang usang

NG SUE LIM
Adun Sekinchan

hadap rutin harian dan mata pencarian nelayan," katanya.

Sebelum ini, nelayan terlibat diberikan TOL oleh Kerajaan Negeri terdahulu memandangkan ia dibina di tanah rizab sungai.

Bagaimanapun, situasi tersebut berubah setelah Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih Kerajaan Negeri. Semua tanah berstatus TOL diperketatkan dan tiada lagi TOL dikeluarkan untuk tanah rizab sungai.

"Ekoran penguatkuasaan ini, ada antara jeti di situ menerima notis untuk dirobohkan kerana nelayan membina jeti konkrit bagi menggantikan jeti sedia ada yang usang," jelasnya sambil menambah jeti konkrit lebih kukuh, tahan lama dan ekonomik berbanding jeti kayu.

Selangor Kini difahamkan jeti konkrit adalah bertentangan dengan peraturan Kerajaan Negeri.

Justeru, Sue Lim berharap Kerajaan Negeri dapat menyediakan garis panduan untuk menyelia jeti-jeti ini dengan pendekatan menang-menang.

"Maklum balas terkini daripada Exco Pembangunan Kampung Baharu (Ean Yong) dan Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam (Yunus Hairi), berjanji akan bawa pengawai Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dalam satu lawatan kerja ke lokasi tersebut untuk mengenal pasti masalah dan suara nelayan.

Bukit Sentosa perlukan projek skala besar

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mengalu-alukan penyerahan pihak swasta bagi pembangunan besar-besaran Bukit Sentosa di Hulu Selangor supaya ia menjadi tumpuan perdagangan aktif di Selangor.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad (**gambar**) berkata, pembangunan semula wajar dilakukan bagi menampung keperluan masyarakat terutama penduduk di situ dan sekitarnya.

"Apa yang kita kena fikirkan adalah satu pembangunan yang

besar di situ. Kita tunggu supaya ada satu pembangunan besar.

"Isu Bukit Sentosa ini sebenarnya dibangunkan dengan harapan ada satu pembangunan besar, yang mana ke tika itu perancangan untuk pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), tetapi KLIA ditarik ke Sepang. Maka masalah itu timbul di sana," katanya.

Sebelum ini Bukit Sentosa dianggap sebagai Petaling Jaya

kedua, namun pertumbuhan kawasan itu kini terbantut.



Iskandar berkata, Kerajaan Negeri berusaha menarik pelaburan swasta ke situ, termasuk membina pasaraya besar, serta pembangunan tanah di kawasan sekitar.

Katanya, Kerajaan Negeri pernah beberapa kali berjumpa dan berdialog dengan pihak berkaitan serta pemilik premis di kawasan itu untuk mencari jalan penyelesaian.

Dengan ada CCC

Taman Indah 2
SEKINCHAN
Pembangunan Campuran di SEKINCHAN

3-Tingkat Semi-D

Untuk Bumiputra Sahaja
7% Diskaun

2 1/2 - Tingkat Rumah Link

Map Lokasi

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

+603-3241 2996

En. Chow : 012-372 6198
Heng Soon : 016-626 7522

Pemaju: **ALPHA INTAN SDN. BHD.**
Offshy Owned Subsidiary of JIALAND SDN. BHD. | Co. No. 1380314

Pejabat Jualan:
Lot 125, Jalan Perusahaan 2, Off Jalan Beraam,
45400 Sekinchan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel / Faks : 603-3241 2996

Kontraktor Utama:
JIALAND SDN. BHD.
嘉聯發展有限公司 Co. No. 204760

Ibu Pejabat:
No. 40-B, Jalan Dato' Sulaiman, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 603-7722 2996 / 997 Fax : 603-7728 5998

Member of **REHDA**

ADVOKASI DARI RUMAH KE RUMAH




**GERAK
 ADVOKASI
 DENGGI**
 S H A H A L A M
20 APRIL 2014
SELURUH SHAH ALAM
8.00 Pagi - 2.00 Petang

Pada hari Ahad 20 April 2014, MBSA dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) akan mengadakan Program Advokasi Denggi Shah Alam. Ianya bertujuan untuk mendidik masyarakat memerangi Denggi dan mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengawal demam Denggi daripada menular. Sehubungan dengan itu, mohon jasa baik penduduk Shah Alam untuk memberi kebenaran kepada pasukan petugas Advokasi Denggi Shah Alam untuk bagi menjalankan tugas, kerjasama juga dipohon untuk:

1. Memastikan persekitaran di dalam dan di luar rumah dalam keadaan bersih tiada bekas yang boleh menakung air;
2. Memberi perhatian terhadap advokasi Denggi yang diberikan oleh pasukan petugas;
3. Tidak membuat sebarang provokasi dan cemuhan kepada pasukan petugas;
4. Pasukan petugas akan memakai pakaian khas berupa T-shirt hitam dan "button badge tertera perkataan "Advokasi Denggi Shah Alam" sebagai pengenalan diri.

MITOS

Aktiviti Semburan Kabus (Fogging) merupakan penyelesaian bagi semua permasalahan nyamuk.

Aktiviti Semburan Kabus (Fogging) membunuh nyamuk dewasa dan jentik- jentik.

Semasa semburan sedang dilakukan, semua pintu dan tingkap harus ditutup dan tidak perlu keluar rumah.

Penggunaan Racun membunuh jentik- jentik (abate) didalam kolah mandi boleh membahayakan kesihatan.

Nyamuk Aedes bertelur didalam longkang yang busuk dan tersumbat.

FAKTA

Aktiviti Semburan Kabus (Fogging) hanya dilakukan apabila terdapat kes Demam Denggi. Jika aktiviti semburan dilakukan atas permintaan, nyamuk akan kebal terhadap bahan kimia.

Tidak, semburan kabus hanya membunuh nyamuk dewasa.

Semasa semburan, semua tingkap hendaklah ditutup, kecuali pintu hadapan harus dibuka dan penduduk harus keluar dari rumah.

Tidak, abate diluluskan oleh Lembaga Racun Perosak.

Nyamuk Aedes bertelur dalam air yang bertakung, bersih dan tidak terdedah kepada cahaya matahari. Hanya spesis nyamuk Tulex yang membiak dalam keadaan air yang kurang bersih dan terdedah kepada cahaya matahari.

Advokasi ini adalah bagi tujuan khidmat nasihat sahaja. Tiada tindakan penguatkuasaan dijalankan.
 Sebarang pertanyaan sila hubungi MPP MBSA atau Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti di talian 03-55114246

 @sacitycouncil  @sacitycouncil  shahalamcitycouncil

MBSA anjur Gerak Advokasi Denggi



Teng bersama Datuk Bandar serta timbalan, Mokhtar Hani melancar T-shirt Program Gerak Advokasi Denggi

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengambil inisiatif menganjurkan Program Gerak Advokasi Denggi bagi memantapkan kesedaran dan langkah pencegahan oleh masyarakat terhadap wabak denggi yang semakin menular pada 20 April yang lalu.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan berkata program itu merupakan gerakan kesedaran awam tentang bahaya demam denggi melalui kaedah memberi nasihat dari rumah ke rumah.

Beliau berkata selain memberi nasihat dan didikan mengenai bahaya denggi, MBSA juga akan mengedarkan risalah bagi memupuk kefahaman tentang pentingnya penjagaan kebersihan.

"Program ini akan dijalankan secara serentak dalam masa sehari di seluruh Shah Alam melalui enam DUN dan dikhususkan kepada 24 kawasan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

"Setiap DUN dan MPP diminta untuk mengenal pasti pemimpin masyarakat yang komited di setiap taman, blok, surau, masjid dan sekolah," katanya sempena Majlis Pelancaran Program Khas Serentak dan Sepadu Gerak Advokasi Denggi yang turut dihadiri Exco Kerajaan Tempa-

“

Setiap DUN dan MPP diminta untuk mengenal pasti pemimpin masyarakat yang komited di setiap taman, blok, surau, masjid dan sekolah

DATUK JAAFAR ATAN
Datuk Bandar Shah Alam

tan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim.

Antara pihak yang mengambil bahagian dalam program itu adalah pelajar UiTM, Universiti Industri Selangor (Unisel), Kolej Komuniti Shah Alam, badan bukan kerajaan (NGO) seperti Sahabat Alam Sekitar (SAS), agensi kerajaan seperti Jabatan Kesihatan Negeri serta warga kerja MBSA.

Jaafar, berkata lebih 300 kumpulan daripada 24 MPP dibentuk untuk bergerak di Shah Alam seluas 290.3 kilometer persegi. Pasukan itu akan mengenakan kemeja T warna hitam serta 'button badge' tertera perkataan 'Gerak Advokasi Denggi Shah Alam' sebagai pengenalan diri.



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

NOTIS SEBUTHARGA KALI KE - 6/2014

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi penyewaan aset-aset Majlis seperti berikut:

BIL.	TAJUK KERJA	PENDAFTARAN DAN TARAF	SEWAAN MINIMA (TEMPOH)	HARGA DOKUMEN
1.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Kedai Pejabat 4 Tingkat Di Alamat No. 22 (Tingkat 1), Jalan Tengku Ampuan Zabedah D 9/D, Seksyen 9, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 164/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,500.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
2.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Kedai Pejabat 4 Tingkat Di Alamat No. 22 (Tingkat 2), Jalan Tengku Ampuan Zabedah D 9/D, Seksyen 9, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 165/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,300.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
3.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Kedai Pejabat 4 Tingkat Di Alamat No. 22 (Tingkat 3), Jalan Tengku Ampuan Zabedah D 9/D, Seksyen 9, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 166/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,000.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
4.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Kedai Pejabat 2 Tingkat Di Alamat No. 8 (Tingkat Satu), Jalan Wau C 11/C, Seksyen 11, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 167/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 1,800.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
5.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Rumah Kedai 1 Tingkat Di Alamat No. 12, Jalan Petola 24/8, Seksyen 24, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 168/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,300.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
6.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Kompleks Perniagaan Worldwide Di Alamat No.15 (Tingkat Bawah) Blok 2, Worldwide Business Centre, Jalan Tinju 13/50 Seksyen 13, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 169/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,700.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
7.	Cadangan Penyewaan Bangunan Kedai Pejabat 3 Tingkat Di Alamat No. 22 (Tingkat 1), Jalan Opera C U2/C, Seksyen U2, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 170/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 1,200.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
8.	Cadangan Penyewaan Bangunan Kedai Pejabat 3 Tingkat Di Alamat No. 22 (Tingkat 2), Jalan Opera C U2/C, Seksyen U2, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 171/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 1,000.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
9.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Tadika Di Alamat No. 4, Jalan Setia Damai U13/15C, Setia Damai, Seksyen U13, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 172/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,000.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
10.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Tadika Di Alamat No. 44, Jalan Elektron U16/83, Denai Alam, Seksyen U16, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 173/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 5,500.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
11.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Tadika Di Alamat No. 6, Jalan Sungai Masai 27/25, Seksyen 27, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 174/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,000.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
12.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Bangunan Tadika Di Alamat No. 1, Jalan Setia Dalam, U13/15B, Setia Damai, Seksyen U13 Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 175/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,000.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
13.	Cadangan Penyewaan Bangunan Tadika Di Alamat No. 1, Jalan Pulau Angsa U10/33, Nusa Rhu, Seksyen U10 Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 176/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 2,000.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
14.	Cadangan Penyewaan Bangunan Tadika Di Alamat No. 7, Jalan Sungai Klang 32/17, Seksyen 32, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 177/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 1,100.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00
15.	Tawaran Semula Cadangan Penyewaan Ruang Pejabat Di Tingkat 26, Wisma MBSA, Seksyen 14, Shah Alam Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 178/2014)	Pendaftaran Syarikat	RM 29,664.00 sebulan (3 Tahun)	RM30.00

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ATAU orang perseorangan bagi pembelian aset-aset Majlis seperti berikut:

16.	Tawaran Semula Cadangan Penjualan Apartment 3 Bilik Di Alamat No. 41A, South Block, Baiduri Apartment, Awana Kijal Beach Resort, KM 28, Jalan Kemaman - Dungun, Kijal Kemaman, Terengganu Darul Iman Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 179/2014)	Pendaftaran Syarikat Atau Perseorangan	RM240,000.00	RM30.00
17.	Tawaran Semula Cadangan Penjualan Kondominium 3 Bilik Di Alamat Unit C-7-5P-3F, Bayview PD Villas, PD Marina, 7th Mile, Jalan Pantai, Teluk Kemang, Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 180/2014)	Pendaftaran Syarikat Atau Perseorangan	RM 120,000.00	RM30.00
18.	Tawaran Semula Cadangan Penjualan Kondominium 3 Bilik Di Alamat Unit C-6-5P-3F, Bayview PD Villas, PD Marina, 7th Mile, Jalan Pantai, Teluk Kemang, Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan Milik Majlis Bandaraya Shah Alam. (No. Sebutharga : SH 181/2014)	Pendaftaran Syarikat Atau Perseorangan	RM 120,000.00	RM30.00

BAYARAN

Bayaran untuk Dokumen Sebutharga adalah secara Wang Tunai, Bank Draf atau Kiriman Wang atas nama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam.

DOKUMEN SEBUTHARGA

Dokumen Tawaran boleh disemak pada waktu pejabat di Kaunter Utama, Majlis Bandaraya Shah Alam, Tingkat G (Lift A), Wisma M.B.S.A., Persiaran Perbandaran, 40675 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan mulai tarikh iklan disiarkan.

Tawaran ini telah diiklankan mulai 10HB APRIL 2014 sehingga 8HB MEI 2014. Dokumen Sebutharga boleh didapati pada 10HB, APRIL 2014 di Kaunter Utama, Majlis Bandaraya Shah Alam.

Pemborong dikehendaki menunjukkan Perakuan Pendaftaran Asal berserta satu salinan photostat semasa memohon tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan dokumen tawaran tidak akan dikeluarkan.

Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada 8HB, MEI 2014. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Tender Dan Kontrak di talian 03-55105133 samb 252, 297, 349, 445, 446 dan 561.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Majlis Bandaraya Shah Alam di Bahagian Tender & Kontrak, Tingkat 2 (Lift A), Wisma MBSA tidak lewat daripada 8HB, MEI 2014 SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI. Dokumen Sebutharga yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER (TENDER TERBUKA)

1 Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di Malaysia yang berkelayakan seperti di dalam jadual di bawah yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

Tajuk	No. Tender	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat-syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Masa Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh Tutup
PROJEK PENGGANTIAN WEIR DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI STESEN PAM AIR MENTAHEMPANGAN SUNGAI TINGGI	1863/56	TERBUKA/ T1 Syarikat 100% milik warganegara	1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G6 Kategori Pengkhususan CE20 dan CE21 2. Berdaftar dengan SPAN di bawah Permit IPA Jenis C2 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM 1,000.00 satu set (tidak akan dikembalikan)	Taklimat: 21 April 2014 (9.30 pagi) Lawatan Tapak: 21 April 2014 (Selepas Taklimat) (WAJIB)	12 MEI 2014 (12.00 TENGAHARI)
PENGAGIHAN SEMULA KA PASITI REKA BENTUK AIR TERAWAT DARI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SELANGOR FASA 3 (SSP3)	2081/4/3	SEPERTI PERKARA 5 DI BAWAH	1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G7 Kategori Pengkhususan CE20, CE21 2. Berdaftar dengan SPAN di bawah Permit IPA Jenis C1 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM1,000.00/ satu set (tidak akan dikembalikan)	Taklimat: 22 April 2014 (9.30 pagi) Lawatan Tapak: 22 April 2014 (Selepas Taklimat) (WAJIB)	12 MEI 2014 (12.00 TENGAHARI)
Pakej 3: Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Paip Keluli Bergarispusat 1200 mm dan Kerja-kerja berkaitan dari Bukit Jelutong, Shah Alam ke Bukit Raja, Klang, Selangor						
Pakej 4: Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Paip Keluli Bergarispusat 1300 mm dari Jalan Landasan ke Tangki Air Bukit Lipat Kajang dan Kerja-kerja Paip Berkaitan, Daerah Klang, Selangor	2081/4/4	SEPERTI PERKARA 5 DI BAWAH	1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G7 Kategori Pengkhususan CE20, CE21 2. Berdaftar dengan SPAN di bawah Permit IPA Jenis C1 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM1,000.00/ satu set (tidak akan dikembalikan)	Taklimat: 22 April 2014 (10.00 pagi) Lawatan Tapak: 22 April 2014 (Selepas Taklimat) (WAJIB)	12 MEI 2014 (12.00 TENGAHARI)

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **21 April 2014 (Projek Penggantian Weir), 22 April 2014 (Pakej 3) dan 29 April 2014 (Pakej 4)** pada waktu pejabat di alamat :

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Makro & Penswastaan
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN**

3. Dokumen Tender akan mula dijual bermula pada **21 April 2014 (Projek Penggantian Weir), 22 April 2014 (Pakej 3) dan 29 April 2014 (Pakej 4)** pada waktu pejabat di alamat tersebut di atas.

4. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **5 Mei 2014 (Projek Penggantian Weir dan Pakej 3)** dan **12 Mei 2014 (Pakej 4)**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan atau ulasan berkenaan tender perlu dikemukakan ke pejabat di atas sebelum tarikh berkenaan tersebut.

5. Tawaran adalah terbuka kepada:

- (i) Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau
(ii) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuh dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan saham individu asing tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) dan lembaga pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai seratus peratus (100%) oleh warganegara.

6. Petender-petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Tender. Petender dikehendaki mengemukakan **Resit Bayaran Pendaftaran** sebagai bukti petender telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Tender.

7. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil syarikat hendaklah membawa **Perakuan Pendaftaran Asal** atau **Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Sijil Asal Pendaftaran SPAN** dan **Resit Bayaran Pendaftaran** dengan **UPEN Selangor**. Salinan Sijil Pendaftaran boleh diterima jika disahkan oleh Agensi berkaitan.

8. Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draft Bank atau Kiriman Wang di atas nama **Bendahari Negeri Selangor**.

9. Petender adalah **diwajibkan** untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan mengikut tarikh yang tertera dalam jadual di atas **Biik Mesyuarat, Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**.

10. Petender juga diwajibkan menghadiri dan menyertai lawatan ke tapak bina yang akan diadakan sebaik sahaja selepas taklimat. Petender akan dimaklumkan lokasi tempat berkumpul untuk lawatan tapak dalam bentuk koordinat GPS yang akan diberi semasa taklimat. Adalah menjadi tanggungjawab petender-petender untuk mencari lokasi dengan sendiri melalui alat navigasi GPS atau lain-lain cara dan berada di sanatepat pada masa yang ditetapkan.

11. Petender-petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Tender.

12. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan tender. Jika dokumen tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.

13. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan tajuk dan no. tender pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender berkenaan sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang tersebut pada jadual di atas, di alamat :

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Makro & Penswastaan
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN**

14. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

15. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tender yang termurah/terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tender. Kerajaan juga mengikut budi bicaranya tidak terikat untuk memberi maklum balas kepada sebarang bantahan yang mungkin diterima berkenaan tender. Kerajaan juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada tender dan segala keputusan Kerajaan adalah muktamad.

Tanah Canal City untung RM1 bilion diurus Pakatan

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan peroleh keuntungan mencecah RM1.3 bilion melalui pembangunan di tanah bekas projek Canal City.

Keuntungan hasil dari perkongsian pintar ini menenggelamkan unjuran keuntungan projek Canal City yang dinaungi Kerajaan BN, iaitu setakat RM22.2 juta sahaja.

“Kita berpeluang memperoleh sekurang-kurangnya RM1.3 bilion dalam tempoh 20 tahun melalui Perbadanan Menteri Besar (MBI) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)



Kita berpeluang memperoleh sekurang-kurangnya RM1.3 bilion dalam tempoh 20 tahun melalui MBI dan (PNSB) sebagai pengurus

**ABDUL KHALID
Menteri Besar**

Dokumen perjanjian Kidex tidak diletak sebagai dokumen rahsia

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berpendapat dokumen perjanjian konsesi Lebuhraya Kinrara-Damansara (Kidex) tidak akan dirahsiakan kerana dokumen itu akan diapungkan untuk model pembinaan dan pelaburan.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata dokumen itu juga akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor (DNS) selepas selesai proses kajian.

“Perjanjian ini tidak menjadi rahsia kerana ia akan diapungkan untuk membuat pinjaman tetapi akan menjadi terhad,” jelasnya menjawab isu yang dibangkitkan Ng Sze Han (PR-Kinrara), Rajiv Rishyakaran (PR-Bukit Gasing) dan Yeo Bee Yin (PR-Damansara Utama). Kerajaan Negeri sebelum ini

sebagai pengurus,” jelas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di Dewan Negeri Selangor (DNS) baru-baru ini.

Beliau menjelaskan Kerajaan Negeri memberi nilai tertinggi kepada aset dengan cara menjual tanah berserta pelan pembangunan, bukan sekadar sekeping tanah kosong.

Projek Canal City dibatalkan pada 2010. Perancangan asal Canal City melibatkan keluasan 4,907.56 ekar dengan kos keseluruhan RM1.345 bilion, dan anggaran keuntungan keseluruhan RM74 juta.

Bebeza dengan Canal City, projek MBI-PNSB ini berkeluasan 1,172 ekar sahaja.

“Kita juga akan mendapat pembangunan infrastruktur dan prasarana seperti jalan raya, sekolah, kawasan perkuburan, masjid dan pelbagai kemudahan lain di atas tanah seluas 424 ekar,” katanya.

Beliau menambah sekiranya pihak pemaju berhasrat mempercepatkan proses pembangunan maka kerajaan negeri juga akan memperolehi keuntungan dalam tempoh dan jangkamasa yang diambil pemaju.

mengumumkan projek itu akan dikaji dan hasilnya akan dibentangkan di pendengaran awam bagi mendengar maklum balas orang awam.

Lebuhraya sepanjang 12 kilometer itu menghubungkan persilangan Damansara-Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) ke Bandar Kinrara. Kidex dijangka mengurangkan tempoh perjalanan antara Damansara dan Kinrara sehingga 25 peratus dan mengurangkan lalulintas sehingga 50 peratus dari Puchong ke Petaling Jaya dari kedua-dua arah.

Pertubuhan Untuk Penambahbaikan Pengangkutan Awam (TRANSIT) membantah usaha kajiselidik itu, dan mencadangkan projek itu disekat, dan digantikan transit laju.

Selangor belanja RM1.93 juta biaya Program Kesihatan Rakyat Miskin

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM500,000 setahun bagi membiayai Program Bantuan Kesihatan Rakyat Selangor sejak 2009.

Exco Kesihatan Selangor, Dr Daroyah Alwi, berkata sehingga kini Kerajaan Negeri sudah membelanjakan RM1.93 juta bagi tujuan berkenaan.

“Antara bantuan rawatan yang diberikan adalah dialisis, katarak, pembedahan kecil dan rawatan lain serta kaki palsu.

“Kerajaan Negeri lebih memfokuskan program ini kerana didapati berjaya memberi kesan kepada rakyat miskin,” katanya ketika menjawab soalan dalam persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS).

Jumlah penerima bantuan juga menunjukkan peningkatan sejak program itu mula dilaksanakan pada 2010 apabila 114 penerima dengan pembiayaan sebanyak RM211,308 disalur-

“

Kerajaan Negeri lebih memfokuskan program ini kerana didapati berjaya memberi kesan kepada rakyat miskin

DR DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan Selangor

kan dan 201 orang penerima lagi membabitkan pembiayaan RM408,660 pada 2011.

Manakala, pada 2012, 255 penerima dengan jumlah pembiayaan RM561,000 dan 2013 pula membabitkan 298 penerima dengan pembiayaan sebanyak RM611,823.

Sehingga kini Kerajaan Negeri sudah membelanjakan RM139,780 bagi membiayai bantuan kesihatan kepada 61 penerima daripada golongan miskin di Selangor sepanjang tahun ini.



MB: Kerajaan Pusat gagal salur peruntukan kepada Pejabat Daerah

SHAH ALAM - Pejabat Daerah di Selangor terpaksa menggunakan dana yang diperuntukkan Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Pusat gagal menyalurkan peruntukan yang sepatutnya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata selepas Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih pentadbiran negeri, peruntukan Kerajaan Pusat disalurkan terus kepada unit di bawah Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

Sedangkan, katanya unit berkenaan sebenarnya menjalankan tugas yang sama dengan pegawai sedia ada di Pejabat Daerah, hingga menyebabkan berlakunya pertindihan tugas.

“Kita ada cadangan untuk mengemaskini pengurusan di

Pejabat Daerah yang mana Penolong Pegawai Pembangunan mendapat saluran dana daripada Kerajaan Pusat,” katanya yang menjawab soalan tambahan dari Shuhaimi Shafei (PR-Sri Muda).

Sehubungan itu, Abdul Khalid berkata Kerajaan Negeri mahu berbincang dengan Unit Perancangan Ekonomi Negara bagi menyelesaikan isu ini namun ditolak.

“Mereka menolak. Saya tidak bersetuju kerana satu tugas ada dua jawatan.

“Bagaimanapun saya akan memperuntukkan dana kepada Pejabat Daerah untuk melaksanakan pelbagai kegunaan, antaranya untuk penduduk luar bandar,” katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR 18 - 25 APRIL 2014 17 - 24 JAMADILAKHIR 1435H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Jumaat	5:40	5:50	7:07	1:15	4:27	7:21	8:31
19 Sabtu	5:39	5:49	7:07	1:15	4:28	7:21	8:31
20 Ahad	5:39	5:49	7:07	1:15	4:28	7:20	8:31
21 Isnin	5:38	5:48	7:06	1:15	4:28	7:20	8:31
22 Selasa	5:38	5:48	7:06	1:15	4:29	7:20	8:31
23 Rabu	5:38	5:48	7:06	1:14	4:29	7:20	8:31
24 Khamis	5:37	5:47	7:05	1:14	4:29	7:20	8:31
25 Jumaat	5:37	5:47	7:05	1:14	4:29	7:20	8:31

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Jumaat	5:42	5:52	7:09	1:17	4:29	7:23	8:33
19 Sabtu	5:41	5:51	7:09	1:17	4:30	7:23	8:33
20 Ahad	5:41	5:51	7:08	1:17	4:30	7:22	8:33
21 Isnin	5:40	5:50	7:08	1:17	4:30	7:22	8:33
22 Selasa	5:40	5:50	7:08	1:17	4:31	7:22	8:33
23 Rabu	5:40	5:50	7:08	1:16	4:31	7:22	8:33
24 Khamis	5:39	5:49	7:07	1:16	4:31	7:22	8:33
25 Jumaat	5:39	5:49	7:07	1:16	4:31	7:22	8:33

URBAN 360

LIVE. 360. STYLE D-SOFO

80%
telah dijual!

50 unit terakhir

percuma kontrak jualan
Harga yang berpatutan dari **RM278,000***
Jangan ketinggalan!

80%
pembinaan*

Dijangka siap pada
OGOS 2014

Tel : 03 6177 6110

Ms See 017-636 6811 | Aceline 018-778 8570
Nicholas 012-208 1135 | Jane 013-998 0009

Miliki studio yang terletak di lokasi yang strategik
Taman Sri Gombak dengan hanya

RM1000*

*Untuk bumiputera sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

F3 CAPITAL

BREAKING NEW GROUND

PEMAJU:
Radiant Symphony Sdn Bhd (645507-H)
an f3 company
65, Jalan SS 22/23, Damansara Jaya
47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

PEJABAT JUALAN DAN UNIT PAMERAN:
G-42, Jalan SG2, Taman Sri Gombak,
68100 Batu Caves, Selangor.
T : +03-6177 6110
F : +03-6177 6112

Sila Imbas kod QR

Terma & syarat dikenakan. Semua ilustrasi adalah gambaran artis. Semua hak terpelihara.



OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Melalui penambah-bahbaikan operasi yang berterusan, Kumpulan Semesta Sdn Bhd mencatatkan hasil jualan mencecah RM71 juta disamping menjimatkan kos operasi kepada hanya RM100,000 sebulan tahun lalu.

Ketua Eksekutif Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), Datuk Dr Azimuddin Bahari berkata hasil itu cukup untuk membantu membiayai program pro-rakyat dibawah Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

"KSSB juga berjaya meraih keuntungan sebelum cukai pada tahun sama sebanyak RM22.31 juta, sekaligus merekodkan ia sebagai pencapaian tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"KSSB sentiasa berusaha keras melonjakkan pencapaian prestasi kerja untuk menggandakan sumbangan dalam merencanakan program MES," katanya.

Untuk rekod, KSSB berjaya meningkatkan keuntungan sebelum cukai saban tahun bermula 2009 - RM8.82 juta; 2010 - RM19.09 juta; 2011 - RM16.83 juta; 2012 - RM13.23 juta dan 2013 - RM22.31 juta.

Kecekapan urus tadbir KSSB terserlah apabila ia menyemak semula operasinya supaya setiap perkhidmatannya dapat mengoptimalkan prestasi dan produktiviti.

"Ia dilakukan menerusi pelaksanaan beberapa bentuk penjimatan termasuk mengkaji semula bayaran insuran masuk hospital, mengurangkan kos pakej telefon, memansuhkan jawatan-jawatan yang tidak diperlukan, termasuk sekuriti luaran," jelasnya dalam satu temubual eksklusif bersama Selangor Kini.

Impak penambahbaikan operasi meningkat

Hasil jualan pasir cecah RM71 juta



jadual 1
BILANGAN KAWASAN CUCI GALI

KAWASAN	JUMLAH
<i>(Tahun 2013)</i>	
Sungai Langat	3
Sungai Labu	1
Sungai Selangor	3
<i>(Tahun 2014)</i>	
Sungai Buloh	6
Sungai Beringin	3
Sungai Rening	2
Sungai Selangor	6
Sungai Sembah	2
Sungai Kuang	2
Sungai Garing	2
Sungai Pasangan	2

Dalam usaha meningkatkan prestasi, KSSB membuktikan dengan penemuan tujuh kawasan cuci gali sungai pada 2013 dan 28 kawasan lagi pada tahun ini. (*lihat jadual 1*)

KSSB adalah anak syarikat Kerajaan Negeri milik Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) yang ditubuhkan pada 26 Jun 2008.

KSSB dipertanggungjawab memelopori pengekstrakan pasir, sumber-sumber mineral dan bahan batuan secara bersepadu di Selangor untuk memaksimumkan pendapatan

Kerajaan Negeri.

Pulangan besar daripada aktiviti tersebut digunakan bagi mendukung Program MES.

Peranan yang sama diberikan kepada KSSB dalam pembinaan Projek *Hybrid off River Augmentation System* (HORAS) di Sungai Darah, Bestari Jaya dimana nilai pasir yang dikeluarkan oleh KSSB menerusi kerja-kerja mengorek kolam di tapak tersebut digunakan bagi menampung sebahagian kos pembinaan projek.

47 ditahan dalam 22 operasi pasir haram

SHAH ALAM - Seramai 47 individu ditahan dalam 22 operasi mencegah aktiviti perlombongan pasir secara haram sepanjang 2013, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Abdul Khalid, berkata operasi penguatkuasaan undang-undang bagi tahun ini dipertingkatkan berbanding tahun lepas. Pada 2010, Kerajaan Negeri berjaya menangkap 21 individu dalam 19 serbuan.

Sementara itu, Kerajaan Negeri menawarkan insentif sehingga RM1 juta kepada orang awam dan agensi yang membantu memberi maklumat bagi membanteras perlombongan pasir haram.

"Kerajaan Negeri bersetuju memberi insentif kepada individu atau pasukan yang berjaya membantu perampasan jentera atau tanah pelombong pasir haram," tegas Abdul Khalid.

Serbuan lokasi, sitaan jentera dan perampasan tanah dilakukan mengikut Akta Kanun Tanah Negara 1965.

SUMBANGAN KSSB

Sumbangan	2008	2009	2010	2011	2012	2013
MES (RM)	-	1,398,950	616,000	7,646,010	6,353,783	1,726,001
Dividen kepada MBI (RM)	-	3,500,000	14,000,000	6,000,000	6,000,000	15,000,000
CSR/ Sumbangan Kebajikan (RM)	9,886	13,747	34,990	899,559	709,457	143,450
Cukai Korporat (RM)	285,500	2,291,000	5,513,559	4,635,696	3,511,018	2,250,000
Zakat Perniagaan (RM)	-	-	90,452	175,047	535,210	391,547
JUMLAH	295,386	7,203,697	20,255,001	19,656,312	17,109,468	19,510,998